

14/01/1997

ROC serbu Tenaganita (HL)

Razali Zakaria

KUALA LUMPUR, Isnin - Pendaftar Syarikat (ROC) hari ini menyerbu pejabat Tenaganita Sdn Berhad, satu daripada tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikesan berselindung di sebalik nama syarikat untuk menjadi kumpulan pendesak dan memburukkan kerajaan.

Beberapa pegawai ROC menyerbu pejabat NGO itu yang didaftarkan mengikut Akta Syarikat 1955 dan beralamat di Jalan Masjid India, di sini.

Serbuan yang sama dijangka dibuat terhadap dua lagi NGO esok.

Dalam serbuan kira-kira jam 2 petang ini, pegawai ROC turut merampas beberapa dokumen serta menyoal siasat kakitangan Tenaganita.

Pendaftar Syarikat, Ramli Ali ketika dihubungi petang ini, mengesahkan pegawainya menyerbu sebuah syarikat yang disyaki menjadi alat NGO untuk menjalankan kegiatan mereka.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut kerana beberapa tindakan ke atas syarikat lain masih dalam perancangan.

Serbuan itu dipercayai berikutan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno kelmarin yang melahirkan rasa tidak puas hati dengan NGO yang berselindung di sebalik nama syarikat untuk menjadi pendesak masyarakat dan memburukkan kerajaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mesyuarat itu berkata, MT memandang berat tindakan beberapa orang tertentu yang menyalahgunakan NGO untuk tujuan berkenaan.

Sehubungan itu, beliau mahu semua NGO di negara ini mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan tidak berselindung dengan mendaftar pertubuhan itu sebagai syarikat.

Sumber ROC memberitahu Berita Harian, tiga NGO dikenal pasti mendaftar sebagai syarikat dan mempunyai pengarah urusan serta lembaga pengarah yang terdiri daripada beberapa profesor universiti tempatan.

Dua daripadanya pernah terbabit dalam Persidangan Asia Pasifik Kedua mengenai Timur Timor (Apcet II) November lalu, manakala satu lagi aktif di peringkat masyarakat setempat.

Satu daripada NGO itu walaupun berdaftar sebagai syarikat, dikatakan tidak mempunyai sebarang perancangan atau urusan perniagaan.

Sebaliknya, kegiatannya syarikat itu lebih banyak ditumpukan sebagai kumpulan pendesak.

Menurut sumber itu, seorang pengurus kanan syarikat yang diserbu hari ini pernah dihadapkan ke mahkamah kerana bertindak di luar bidang kuasanya sebagai sebuah syarikat tahun lalu.

ROC sentiasa menyelidik setiap kegiatan syarikat dengan menjalankan pemeriksaan melalui surat berkanun dan menyemak minit mesyuarat.

"Ada syarikat yang aktif dalam kegiatan tertentu tetapi tidak menyediakan dokumen untuk diserahkan kepada ROC," katanya.

(END)